



## “KEJIRANAN: HIDUP BERSATU DAN BERMUAFAKAT”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: كَانَ النَّاسُ أُمَّةً وَاحِدَةً فَبَعَثَ اللَّهُ  
النَّبِيَّ مَبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ وَأَنْزَلَ مَعَهُمُ الْكِتَابَ  
بِالْحَقِّ لِيَحْكُمَ بَيْنَ النَّاسِ فِي مَا اخْتَلَفُوا فِيهِ ...  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ  
أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى  
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا  
بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ  
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا  
الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ  
مُسْلِمُونَ.



## Sidang Jumaat yang di rahmati Allah,

Marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan penuh ketaatan, keyakinan dan keikhlasan. Iaitu dengan melaksanakan segala suruhanNya dan meninggalkan segala laranganNya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertakwa seterusnya berjaya dan selamat di dunia serta di akhirat.

Pada hari yang mulia ini marilah sama-sama kita menghayati khutbah yang bertajuk: "**KEJIRANAN: HIDUP BERSATU DAN BERMUAFAKAT**".

## Sidang Jumaat yang di rahmati Allah,

Jiran turut disebutkan sebagai tetangga iaitu mereka yang tinggal berhampiran dengan kediaman kita. Dalam Islam, kawasan kejiranan meliputi mereka yang berada dalam jarak 40 buah rumah dari semua sudut rumah kita. Realitinya di negara ini, jiran itu terdiri sama ada muslim dan bukan muslim, atau melayu, cina, india dan sebagainya.

Islam menegaskan jiran mempunyai kedudukan yang istimewa sehinggakan Rasulullah SAW sering memperingatkan terhadap hak-hak mereka. Selain itu, dalam Islam soal kejiranan turut dikaitkan dengan soal keimanan seseorang.

Hadis daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW telah bersabda:

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلَا يُؤْذِي  
جَارَهُ، وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُكْرِمْ



ضَيْفُهُ، وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيَقُلْ  
خَيْرًا أَوْ لِيَسْكُتْ

*"Sesiapa yang beriman dengan Allah dan hari Akhirat maka janganlah dia menyakiti jirannya. Dan sesiapa yang beriman dengan Allah dan hari Akhirat maka hendaklah dia memuliakan tetamunya. Sesiapa yang beriman dengan Allah dan hari Akhirat maka hendaklah dia berkata yang baik atau berdiam diri."*

*(Riwayat Muslim)*

Oleh kerana jiran kita di negara ini terdiri daripada pelbagai agama, fahaman dan bangsa, maka hak atau kedudukan yang pelbagai perlu diketahui, difahami seterusnya dilaksanakan.

### **Sidang Jumaat yang di rahmati Allah,**

Antara faktor yang mendatangkan kebahagiaan dalam hidup menurut Islam ialah memiliki jiran yang baik.

Hadis daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مِنْ سَعَادَةِ الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ: الْمَسْكَنُ الْوَاسِعُ،  
وَالجَارُ الصَّالِحُ، وَالْمَرْكَبُ الْهَنِئُءُ

*"Di antara kebahagiaan seorang Muslim ialah tempat tinggal yang selesa, jiran yang baik dan kenderaan yang selesa."*



(*Riwayat Muslim*)

Justeru, untuk memastikan kita mendapat jiran yang baik, kita perlu terlebih dahulu menjadi jiran yang baik. Jiran yang baik ialah mereka yang mengetahui hak-hak jirannya, menjaga keharmonian bersama jirannya dan sentiasa menganggap jiran itu sebahagian daripada keluarganya.

Hadis daripada A'isyah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَا زَالَ جِبْرِيلُ يُوصِينِي بِالْجَارِ حَتَّى ظَنَنْتُ أَنَّهُ سَيُورُنِي

*"Jibril sentiasa berpesan kepadaku tentang jiran sehingga aku menyangka Jibril akan menjadikan jiran itu sebagai waris".*

(*Riwayat Al-Bukhari dan Muslim*)

Sesungguhnya, mengetahui hak-hak jiran adalah antara perkara penting dalam Islam yang perlu diketahui oleh setiap individu Muslim. Antara hak-hak jiran yang perlu diketahui, difahami dan diamalkan ialah:

Pertama: memahami konsep toleransi dan tiada paksaan dalam Islam.

Islam bersifat agama yang mengiktiraf kedudukan manusia yang bersifat pelbagai agama (*multi-religious*) dan pelbagai budaya (*multi-cultural*). Kerana itu, Islam memberikan kebebasan dan menegaskan bahawa tiada paksaan dalam Islam. Justeru, memainkan isu atau sentimen perkauman sama ada berdasarkan agama atau bangsa atau keturunan atau kaum bukanlah daripada Islam. Sedarlah, tiada penyelesaian yang boleh dicapai dengan membangkitkan isu perkauman.



Sesungguhnya mustahil untuk kita menyatukan rakyat Malaysia sebagai satu kaum, tetapi kita mampu untuk menjadikan mereka sebagai saudara seagama dengan menyeru kepada Islam.

Kedua: mewujudkan suasana harmoni dan kemesraan.

Sesungguhnya individu atau jiran yang baik pasti akan menjalin hubungan baik sesama jiran. Saling kenal mengenali, saling bertegur sapa, melemparkan senyuman, sentiasa bertanya khabar dan berusaha untuk tidak menimbulkan masalah yang boleh membawa kepada persengketaan seperti membuka keaiban jiran tetangga.

Ketiga: tolong menolong atau bantu membantu dalam pelbagai urusan.

Antara pesanan Nabi SAW berkaitan jiran ialah supaya kita membantu mereka dalam segala urusan seperti menziarahi apabila sakit atau kematian, mengiringi jenazah dan mengucapkan tahniah atau takziah pada waktu-waktu yang bersesuaian. Umumnya, tolong menolong dalam perkara kebaikan. Firman Allah SWT di dalam surah Al-Maidah ayat 2:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ <sup>ص</sup> وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ  
وَالْعُدْوَانِ <sup>ج</sup> وَاتَّقُوا اللَّهَ <sup>ص</sup> إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

*"Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana*



*sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya)."*

Keempat: menjaga hak-hak mereka dan tidak menimbulkan ketidakselesaian.

Antara pesanan Nabi SAW berkaitan hal ini ialah jangan meninggikan dinding kerana ia akan menghalang laluan angin dan penglihatan kecuali dengan izin mereka. Memberikan sedikit dari masakan apabila ada bau yang menimbulkan keinginan. Selain itu, adab-adab lain dalam kehidupan berjiran ialah janganlah meletakkan kenderaan sesuka hati tanpa memikirkan hak-hak orang lain, mengganggu urusan keluar-masuk jiran, mengganggu kelancaran jalan, dan hendaklah menjaga hasil buangan seperti sampah agar tidak mengganggu keselesaan dan kebersihan persekitaran.

Kelima: memperlihatkan keindahan Islam dalam segala urusan kehidupan.

Satu tanggungjawab penting kepada setiap Muslim untuk menyampaikan serta memperlihatkan keindahan Islam kepada jiran yang bukan Muslim. Inilah peluang dan ruang dakwah kita kepada mereka. Apabila mereka dikenali maka lebih mudah untuk kita dekati. Perhatikan diri kita sebagai Muslim yang ikhlas, amanah, benar, bertanggungjawab, berintegriti dan segala perilaku yang indah lagi mempesonakan. Dalam hal ini, Rasulullah SAW mengajarkan kita beberapa perkara untuk mendekati jiran yang bukan Islam iaitu dengan menghadiahkan sesuatu atau membahagiakan mereka dengan sesuatu.

Rebutlah peluang untuk sama-sama kita berdakwah kepada jiran yang bukan Islam. Mudah-mudahan mereka tidak memandang serong terhadap



Islam. Bahkan mereka mengenali, memahami dan mungkin akhirnya menerima Islam.

Hadis daripada Sahl bin Saad RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

فَوَاللَّهِ لَأَنَّ يُهْدَى بِكَ رَجُلٌ وَاحِدٌ خَيْرٌ لَكَ مِنْ  
حُمْرِ النَّعَمِ

*"Demi Allah, dengan hidayah yang kamu usahakan Islamnya seorang lelaki itu lebih baik bagi kamu daripada harta yang paling berharga."*

*(Riwayat Al-Bukhari)*

### **Sidang Jumaat yang di rahmati Allah,**

Kesimpulan dan pengajaran yang dapat dirumuskan daripada khutbah pada hari ini ialah:

Pertama: Jiran atau tetangga iaitu mereka yang tinggal berhampiran dengan kediaman kita. Menurut Islam, jiran ialah mereka yang tinggal bersebelahan sehinggalah rumah-rumah yang berada dalam jarak 40 buah rumah dari semua sudut.

Kedua: Jiran tetangga kita terdiri daripada pelbagai agama dan bangsa. Justeru, memahami kelainan agama, budaya dan adat adalah sebahagian usaha awal sebelum kita dapat melaksanakan hak-hak jiran.

Ketiga: Jiran mempunyai kedudukan yang istimewa dalam Islam sehinggakan Rasulullah SAW sering memperingatkan kita tentang



keutamaan hak-hak mereka. Selain itu, menjaga keharmonian sesama kejiranan adalah antara soal keimanan.

Keempat: Setiap Muslim perlu mengetahui hak-hak jiran seperti memahami konsep toleransi dalam beragama atau berfahaman, sering mewujudkan suasana harmoni dan kemesraan, tolong menolong dalam pelbagai urusan dan sebagainya.

Kelima: Merebut peluang untuk berdakwah dengan memperlihatkan keindahan Islam kepada jiran yang bukan Islam adalah usaha yang perlu dimanfaatkan oleh semua untuk kebaikan kepada agama dan negara.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَأَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا  
وَبِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ  
وَالْجَارِ الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ بِالْجَنبِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَمَا  
مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَن كَانَ مُخْتَالًا  
فَخُورًا

*"Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua, dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin, jiran tetangga*





*yang dekat, jiran tetangga yang jauh, rakan sejawat, orang musafir yang terlantar dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sombong takbur dan membangga-banggakan diri."*

*(Al-Nisa : 36)*



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي  
وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى  
آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ  
الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ  
الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: 'إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ  
يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ  
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ  
وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ



وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ  
وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ . اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ  
إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى  
وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنَ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ  
وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ  
سُلْطَانَ سَلَاعُورِ ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس  
شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد  
العزیز شاه الحاج . اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ  
وَالْتَّوْفِيقَ ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ ، لِوَلِيِّ عَهْدِ  
سَلَاعُورِ ، تَعَكَوْ أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ  
الدِّينِ ادریس شاه الحاج فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ  
بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ . اللَّهُمَّ أَطِّلْ



عُمْرُهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْأَبْلَادِ،  
وَبَلِّغْ مَقاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadiranmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman syiah yang melampau dan Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir dan miskin serta mereka yang mewakafkan dan menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.



رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً  
وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ  
يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ  
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ  
تَذَكَّرُونَ ﴿٩﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.